

83

SOALAN NO. 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]

TARIKH : 8 Mac 2018 (Khamis)

SOALAN : 36

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

cara mengimbangkan keperluan perintah berkurung untuk pengawalan keselamatan di Pantai Timur Sabah, dengan keperluan menarik pelabur dan pelancong yang telah dinasihatkan tidak datang ke sana.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Sejak 19 Julai 2014, iaitu Fasa Pertama Perintah Berkurung dilaksanakan sehingga hari ini iaitu ke Fasa 79 (bermula pada tarikh 30 Oktober 2017 hingga 31 Disember 2017) sejumlah 37,081 permit telah dikeluarkan kepada nelayan pesisir pantai.

ESSCOM berpandangan dakwaan mengenai penguatkuasaan Arahan Perintah Berkurung menjelaskan kedatangan pelancong asing ke Sabah adalah **TIDAK BERASAS**. Penguatkuasaan Arahan Perintah Berkurung hanya dijalankan pada sebelah petang bermula pukul 6.00 petang hingga 6.00 pagi. Hal ini tidak menghalang pergerakan pelancong asing pada sebelah siang. Oleh yang demikian, Arahan Perintah Berkurung tidak memberi kesan negatif kepada kedatangan pelancong asing.

Hasil daripada pelaksanaan Arahan Perintah Berkurung, keselamatan pelancong asing lebih terjamin kerana pasukan keselamatan dan penguatkuasa sentiasa membuat rondaan dan pemantauan pada waktu malam. Secara keseluruhannya, kedatangan pelancongan asing ke negeri Sabah pada setiap tahun adalah semakin meningkat. Namun, ESSCOM memohon kerjasama daripada semua

agensi yang berkenaan untuk sama-sama mewarwakan kepada masyarakat luar bahawa keadaan di pantai timur Sabah adalah selamat dan terkawal.

Selain daripada penguatkuasaan Arahan Perintah Berkurung, antara inisiatif yang dilaksanakan oleh ESSCOM adalah :

1. Mengembalikan kepercayaan masyarakat setempat terhadap kesiap-siagaan pasukan keselamatan dalam menangani ancaman jenayah rentas sempadan melalui penganjuran Program Semarak Bersama ESSCOM – Sabah Tanah Airku
2. Memberi pendedahan dan kesedaran mengenai kepentingan pemasangan Sistem Pengesan Automatik dalam kalangan pengusaha kapal dan nelayan-nelayan melalui Program *Engagement* ESSCOM Bersama Masyarakat. Sesi dialog ini bukan sahaja memberi maklumat mengenai tujuan pemasangan Sistem Pengesan Automatik malah memberi pemahaman bahawa dengan pemantauan keselamatan yang terkawal secara tidak langsung merancakkan ekonomi pengusaha resort dan pengusaha ikan.
3. Meningkatkan jaringan kerjasama ESSCOM bersama Masyarakat melalui Program Khidmat Masyarakat. Program ini bukan sahaja mendekatkan masyarakat bersama pasukan

keselamatan malah memupuk sifat sumbang bakti masyarakat dalam menjaga keselamatan negara bersama-sama pasukan keselamatan.

Sekian, terima kasih.